

Newspaper	Berita Harian
Date	17/5/2011

# Semua pihak perlu bersatu hapus penganjur keganasan

## Persefahaman antara budaya perlu bagi wujud keamanan

DARI MUKA 22

Perlu dijelaskan bahawa menukut 'maqasid syariah, kewajiban paling utama ialah melindungi dan memulihara nyawa.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Mewujudkan sebuah dunia yang bebas daripada keganasan bukanlah sesuatu yang mustahil. Kita mampu mencapainya. Bagaimanapun, ia memerlukan lelaki dan wanita yang memiliki sikap berkasih sayang terhadap sesama insan, tanpa mengira kaum; ia memerlukan mereka yang menganjurkan sifat sederhana; ia menuntut agar kita tidak lagi menjadi golongan majoriti yang hanya berdiam diri, tetapi mula mempamerkan keberanian dan keyakinan dalam menuaikan tanggungjawab. Kita perlu menangani perkara yang menjadi punca berlakunya keganasan global. Tindakan hanya memburu individu tertentu, menghancurkan pertubuhan mereka, memporak-perandakan kekuatan kewangan mereka dan memburuk-burukkan ideologi mereka semata-mata, adalah jauh daripada mencukupi. Kita perlu mampu membezakan antara gejala dan punca utama yang menyebabkannya berlaku. Melalui cara ini sajalah, kita akan dapat mencapai penyelesaian berkekal.

Memang amat mudah untuk mengatakan bahawa penyelesaian bagi fahaman pelampau Islam boleh dicapai apabila lebih ramai umat Islam diberi peluang untuk menyuarakan pandangan mereka. Ya, itu memang menjadi tanggungjawab kita, tetapi ia bukanlah tanggungjawab di pihak kita saja. Seperti mana umat Islam perlu menyuarakan pandangan mereka, begitu jugalah halnya bagi penganut agama Kristian, Yahudi, Buddha, Hindu dan golongan ateis yang bencikan sifat tidak mahu bertolak ansur, keganasan dan kekejaman. Kita perlu mendengar suara golongan yang berpendirian sederhana di semua negara dan dari semua lapisan kehidupan. Jika ini dilakukan, kita semua akan dapat melihat wujudnya keamanan sebagai ganjarannya.

Sekiranya seorang lelaki yang berdiri di tengah jalan raya hanya dianggap sebagai seorang pengacau, tetapi jika 10 orang berdiri bersama-sama di situ, tentu tindakan mereka tidak boleh dipandang sebelah mata saja. Dan jika jumlah 10 orang itu bertambah menjadi seratus, seribu, sejuta dan malah satu bilion orang dan seterusnya membentuk suatu kumpulan besar dan bersatu dalam memperjuangkan niat mereka, maka golongan yang menganjurkan kebencian akan hanya mempunyai satu pilihan saja. Mereka sama ada menyertai kita atau kekal dengan pendirian mereka, sebelum hancur, hasil daripada kesungguhan kita

untuk bertindak sebagai satu pasukan.

Oleh itu, semua pihak yang menghargai kesederhanaan, maruah dan keadilan, tidak kira di mana jua mereka berada, perlu berdiri teguh dan dengan penuh bersemangat untuk menghapuskan golongan yang menganjurkan keganasan dan menafikan hak mereka yang berpendirian sederhana untuk memastikan kekecewaan, biar di mana jua ia dirasai, diberi perhatian, dan setiap pandangan yang disuarakan, didengari.

Ringkasnya, kita tidak boleh membiarkan saat ini dikuasai oleh puak pelampau, di mana mereka yang bersuara paling lantang, akan memperoleh manfaat paling besar.

Sebab itulah kita semua berada di sini pada petang ini iaitu untuk memupuk kemajuan, bukan menyebabkan berlakunya pertembungan budaya, tetapi untuk meningkatkan persefahaman, dan malah, mungkin untuk meraikan perbezaan yang wujud dalam kalangan kita atau berkongsi segala yang kita miliki. Kemodenan dan kesederhanaan perlu bergerak seiring. Dialog antara kita perlu diteruskan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.


Izinkan saya bercerita tentang pengalaman Malaysia. Takdir dan sejarah menghadihkan kepada kami sebuah negara bangsa yang menjunjung tinggi kepelbagaian. Ma-

lian, Hindu dan Sikh. Walaupun Perlembagaan Malaysia memperuntukkan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, tetapi ia melindungi hak semua rakyat Malaysia untuk mengamalkan agama masing-masing secara aman dan harmoni.

Dengan wujudnya kepelbagaian ini, perpaduan nasional terus menjadi objektif utama kami. Sejak menyandang jawatan Perdana Menteri pada April 2009, saya terus menjadikan matlamat penting ini sebagai keutamaan dalam pentadbiran saya dengan berpandukan falsafah *IMalaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian, Diutamakan*.

Dalam mengurus masyarakat kami yang bersifat majmuk, kami mengamalkan integrasi, bukan asimilasi. Rakyat Malaysia menerima kepelbagaian yang wujud dalam kalangan mereka. Kami bukan saja bertolak ansur antara satu dengan lain, tetapi juga menjadikannya sebagai suatu amalan dan meraikannya. Melalui kekuatan dan dinamisme yang wujud dalam kepelbagaian ini, kami menjadikannya asas ketahanan negara.

Dalam tempoh hanya 50 tahun, rakyat Malaysia berjaya mengubah negara mereka daripada sebuah ekonomi pertanian berpendapatan rendah yang bergantung pada beberapa komoditi, kepada sebuah negara kepelbagaian industri moden




**"Semua pihak yang menghargai kesederhanaan, maruah dan keadilan, tidak kira di mana jua mereka berada, perlu berdiri teguh dan dengan penuh bersemangat untuk menghapuskan golongan yang menganjurkan keganasan dan menafikan hak mereka yang berpendirian sederhana"**

laysia bukan saja dianugerahi dengan kepelbagaian etnik, tetapi juga dengan kepelbagaian budaya, bahasa dan agama. Sejak negara kami mencapai kemerdekaan pada 1957, kecuali ketika berlaku Peristiwa 13 Mei, rakyat Malaysia hidup dalam keadaan aman dan stabil.

Di Malaysia, Islam adalah sinonim dengan kesederhanaan, keterangkuman dan tadbir urus yang baik. Enam puluh peratus daripada rakyat Malaysia beragama Islam, manakala 40 peratus lagi menganut pelbagai kepercayaan lain seperti Buddha, Tao, Confusianisme, Kris-

**"Walaupun Perlembagaan Malaysia memperuntukkan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, ia melindungi hak semua rakyat Malaysia untuk mengamalkan agama masing-masing secara aman dan harmoni"**



kekeliruan atau salah tanggapan.

Saya ingin menegaskan bahawa prinsip kesederhanaan bukan sesuatu yang baru dalam Islam. Wasatiah berulang kali disebut dalam al-Quran. Ayat 143 Surah 2 menyebut, marfumnya: *"Kami jadikan kamu umat yang seimbang"*. Kitab suci ini seterusnya menyebut bahawa kesederhanaan menghasilkan keadilan dan keadilan bererti ilmu pengetahuan dan kebebasan. Oleh itu, perlu diingatkan bahawa pendidikan, yang disertai prinsip demokrasi kebebasan, membolehkan kita memilih apa yang baik dan terpuji. Adalah sesuatu yang logik bahawa kesederhanaan bererti memilih jalan yang lurus dan betul. Mereka yang berfahaman sederhana perlu mempertahankan ideal ini. Apa yang palsu atau mengelirukan, perlu ditolak dan dibuang.

Kesederhanaan juga dianjurkan oleh agama Kristian. Izinkan saya memetik kandungan Bible, - Philipians Bab 4 Ayat 5, yang bermaksud: *"Sebarkanlah kesederhanaan kepada semua manusia..."*

Ayat itu menyeru semua penganut Kristian supaya menjalani kehidupan mereka secara sederhana dan tidak melakukan sesuatu secara berlebihan. Agama Yahudi juga menyeru kepada kesederhanaan. Kitab Taurat mengajarkan kesederhanaan dan etika, sikap dan sifat yang perlu diamalkan dalam kehidupan sebagai suatu cara hidup dalam erti kata yang sebenar-benarnya mengenai adat resam bangsa Yahudi. Dalam ajaran Tao, prinsip kesederhanaan dianggap sesuatu yang amat penting dalam pembangunan diri seseorang dan menjadi satu daripada tiga tiang utama ajarannya.

Tidak wujud apa yang dikenali sebagai Islam liberal atau Islam pelampau, Islam konservatif atau Islam makrifat, Islam jihad atau Islam penyerahan atau Islam pertengahan. Yang ada hanyalah Islam, satu cara hidup yang lengkap. Mengamalkan sikap sederhana bukan bererti bersikap bacul, tidak berprinsip, lemah atau menyerah saja.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Dalam mematuhi tradisi Islam terbaik, Malaysia tidak akan menyimpang daripada menyokong apa yang betul dan adil, tidak kira sama ada sesuatu perjuangan itu diterajui oleh dunia Islam atau bukan. Kami tidak akan berundur dari-

pada mempertahankan golongan yang lemah dan tertindas, tanpa mengira bangsa dan warna kulit. Kami tidak akan kelu daripada menyuarakan kebenaran.

Kini, kita semua amat menyedari tentang bahaya keganasan dan kekejaman puak pelampau. Akibat serangan 9/11, hinggalah kepada pengeboman di Madrid dan Bali, kepada kemusnahan yang dilakukan di London ini, banyak manusia terus dilanda ketakutan akan kehilangan nyawa.

Ketika sejarah keganasan dan kekejaman yang melampau terus dilakar, plotnya tetap berkisar pada satu soalan - kenapakah manusia mengambil langkah yang begitu teruk hingga sanggup mencabut nyawa orang lain atau nyawa mereka sendiri? Saya yakin ramai yang hadir di sini sedar tentang faktor umum yang menyebabkan manusia sanggup melakukan kekejaman itu. Sering disebut bahawa kekurangan pembangunan ekonomi dan pendidikan menyebabkan manusia mengambil langkah yang bersifat pelampau, termasuk melakukan keganasan. Dalam kes lain, ia berpunca daripada perasaan kecewa dan hilang harapan. Penghinaan juga merupakan satu lagi puncanya. Walaupun ramai yang mengaku tentang kebenaran faktor ini, tetapi, jika kita amati, kita akan dapati bahawa sesetengah penganas berasal daripada keluarga berada dan yang berpendidikan tinggi-

Dalam kebanyakan kes, keganasan terus wujud hasil daripada gabungan semua faktor itu. Bagi mereka, keganasan merupakan suatu cara untuk mencapai matlamat politik. Mereka juga bersembunyi di sebalik topeng agama untuk memperjuangkan matlamat itu. Sesetengahnya pula percaya bahawa agama dan tamadun lain menjadi musuh mereka dan tidak memberi ruang untuk memungkinkannya wujudnya kehidupan secara bersama secara aman. Bagi mereka, dalam dunia ini, sesuatu golongan itu hanya boleh menang apabila pihak lain, kalah. Mereka menganjurkan fahaman ini untuk mendorong pihak lain supaya berjuang dan berkorban untuk mencapai matlamat mereka. Oleh itu, dengan cara tersendiri, peranan agama secara ironisnya, meningkatkan skala dan bahaya ancaman penganas.